A

Pendakwa Raya lwn Cao Van Luyen

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05(S)-377–12 TAHUN 2014
AZIAH ALI, ZAKARIA SAM DAN AHMADI ASNAWI HHMR
26 MEI 2016

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Responden dijatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun atas kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan — Sama ada pesuruhjaya kehakiman khilaf dalam menggunakan prinsip penghukuman yang berbeza terhadap responden — Sama ada hukuman setimpal dengan kesalahan — Sama ada responden wajar*
D *diberikan peringanan hukuman atas faktor pengakuan salah responden dan faktor pesalah pertama — Sama ada pesuruhjaya kehakiman menjatuhkan hukuman berdasarkan 'trend' penghukuman — Kanun Keseksaan s 304(a)*

E Responden, seorang warganegara Vietnam telah dituduh membunuh rakan senegaranya, Tran Xuan Hai ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Dalam kejadian pembunuhan tersebut, responden telah pergi ke bilik si mati dan menikam belakang si mati dengan menggunakan sebilah pisau. Walaupun si mati telah lari keluar dari biliknya, responden masih tidak
F berpuas hati dan mengejar si mati dan menikam leher si mati. Responden dan si mati seterusnya telah dikejarkan ke hospital di mana responden kemudiannya ditangkap. Hasil bedah siasat menunjukkan punca kematian adalah 'stab wound to the chest'. Dalam kes ini, pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) Kanun telah ditawarkan oleh perayu kepada responden. Responden
G telah mengaku salah atas pertuduhan pilihan dan dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun berkuat kuasa dari tarikh tangkap. Tidak berpuas hati dengan hukuman dijatuhkan oleh pesuruhjaya kehakiman ('PK'), perayu telah merayu terhadap hukuman tersebut. Perayu berhujah bahawa, PK telah khilaf apabila menggunakan prinsip penghukuman yang berbeza ke atas pesalah warganegara
H dan pesalah bukan warganegara. Perayu seterusnya berhujah bahawa PK telah mengabaikan kepentingan awam dengan menjatuhkan hukuman yang tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan responden. Perayu juga berhujah bahawa PK telah khilaf apabila memberi pertimbangan berlebihan ke atas pengakuan salah responden dan mengambil kira faktor responden sebagai
I pesalah pertama sebagai faktor peringanan hukuman. Responden pula berhujah bahawa kejadian adalah tidak dirancang dan tikaman dilakukan 'at the spur of the moment'. Responden juga berhujah bahawa kejadian pembunuhan tersebut berlaku akibat daripada provokasi si mati dan rakannya yang masih bebas.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Pesuruhjaya kehakiman yang bijaksana telah menimbangkan isu yang tidak mempunyai asas langsung di sisi undang-undang dan melanggar prinsip 'equality before the law' yang menjadi akar tunjang Perlembagaan Persekutuan. Membezakan hukuman yang wajar dikenakan ke atas warganegara dan bukan wakganegara akan hanya mengundang ketidakadilan. Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman hanya perlu menimbang kehendak Parlimen, kepentingan awam, keseriusan kesalahan yang dilakukan, kesan 'deterrent', 'retributive' dan 'rehabilitative' hukuman tersebut, isu-isu pemberatan dan peringanan dan hal ehwal keadaan keseluruhan sesuatu kes yang menjustifikasikan sama ada sesuatu hukuman wajar dilunakkan atau diberatkan (lihat perenggan 18 & 20).

(2) Tempoh pemenjaraan yang diberikan oleh PK adalah terlalu rendah atau ringan. Kepentingan awam menghendaki responden diasingkan daripada masyarakat untuk tempoh yang panjang. Malahan, Parlimen telah meminda s 304(a) Kanun dengan meningkatkan hukuman yang boleh dijatuhkan dari 20 tahun kepada 30 tahun. Ini mencerminkan Parlimen turut prihatin tentang keseriusan dan kekerapan berlakunya kesalahan ini. Mahkamah tidak seharusnya menggagalkan hasrat Parlimen dengan mengenakan hukuman-hukuman ringan yang tidak munasabah. Jenayah yang dilakukan oleh responden temasuk dalam kategori jenayah yang mewajarkan hukuman berbentuk 'retributive' serta 'deterrent' yang mencerminkan 'the public's intolerance and abhorrence' terhadap jenayah yang sedemikian (lihat perenggan 24–26).

(3) Walaupun seseorang tertuduh wajar diberi kredit kerana telah mengaku salah, namun keseriusan kesalahan tersebut telah meminggirkan efek keringanan pengakuan salah tersebut. Dalam kes ini, tindakan responden yang masih mengejar dan menikam si mati walaupun si mati telah melarikan diri menunjukkan bahawa responden sememangnya berniat untuk menamatkan riwayat si mati. Oleh kerana keseriusan kesalahan, faktor pengakuan salah tersebut juga tidak cukup untuk mengetepikan faktor kepentingan dan keselamatan awam yang menjadi pertimbangan paling utama mendahului pertimbangan-pertimbangan lain (lihat perenggan 28 & 30).

(4) Keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh responden dan tindakan kejam terlampau responden ke atas si mati telah 'negate' hak responden untuk memperolehi apa-apa faedah di atas fakta bahawa dia adalah pesalah pertama (lihat perenggan 32).

(5) 'Trend' hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah s 304(a) Kanun selepas seksyen tersebut dipinda adalah bersekitar di antara 15 hingga 20 tahun penjara secara hitung panjang ('average'). Nyata hukuman penjara

selama sepuluh tahun yang dijatuhkan oleh PK yang bijaksana tersebut adalah di luar 'trend' hukuman tersebut. Mahkamah mendapati bahawa tidak wujud apa-apa justifikasi atau 'extenuating circumstances', untuk menyisih ('depart') dari 'trend' tersebut (lihat perenggan 35).

[English summary

The respondent, a Vietnam citizen was charged of murdering his fellow countryman, Tran Xuan Hai ('the deceased') under s 302 of the Penal Code ('the Code'). At the murder scene, the respondent had gone to the room of the deceased and stabbed the deceased from the back with a knife. Although the deceased had run out of his room, the respondent was still not satisfied and chased the deceased and stabbed the deceased's neck. The respondent and the deceased was subsequently rushed to the hospital where the respondent was arrested. Results of an autopsy showed the cause of death was 'stab wound to the chest'. In this case, an alternative charge under s 304(a) of the Code was offered by the appellant to the respondent. The respondent pleaded guilty to an alternative charge and was sentenced to ten years imprisonment with effect from the date of arrest. Being not satisfied with the sentence imposed by the judicial commissioner ('JC'), the appellant appealed against the sentence. The appellant argued that, the JC had erred when applying a different principle of punishment on the citizen offender and non-citizen offenders. The appellant further submitted that the JC had ignored the public interest by imposing a penalty which did not commensurate with the seriousness of the offence of the respondent. The appellants also argued that the JC had erred in giving too much consideration to the respondent's plea of guilt and took into account the factor that the respondent was a first offender as a mitigating factor of the sentence. The respondent argued that the incident was not planned and the stabbing was done 'at the spur of the moment'. The respondent also argued that the murder incident occurred as a result of provocation of the deceased and his friend who was still free.

Held, allowing the appeal:

(1) The learned JC had considered the issues that had no direct basis in law and violated the principle of equality before the law, which is the root of the Federal Constitution. Differentiating the penalties which should be imposed on citizens and non-citizens will only invite injustice. The court in making a sentence only had to consider the will of Parliament, the public interest, the seriousness of the offence committed, the effects of a deterrent, retributive and rehabilitative sentence, enhancement and mitigation issues and the affairs of the overall situation of the case to justify whether a sentence should be mitigated or enhanced (see paras 18 & 20).

(2) The term of imprisonment provided by the JC was too low or light. The public interest required the respondent to be isolated from society for a

long period. In fact, Parliament amended s 304(a) of the Code by increasing the penalties that can be imposed from 20 years to 30 years. This reflects that the Parliament is also concern about the seriousness and frequency of occurrence of such offence. The court should not frustrate the intention of the Parliament to impose a lighter penalty which is unreasonable. Crimes committed by the respondent included in the category of crime that merits punishment in the form of 'retributive' and 'deterrent' which reflected 'the public's intolerance and abhorrence' of such crimes (see paras 24–26).

(3) Even if an accused person should be given credit for having pleaded guilty, but the seriousness of the offence had marginalise the effect of mitigating the plea of guilt. In this case, the respondent's action of still pursuing and stabbing the deceased even though the deceased had fled suggests that respondent intended to end the deceased's life. Due to the seriousness of the offence, the plea of guilt is not enough to set aside the interest and safety of the public which is the most important consideration against other considerations (see paras 28 & 30).

(4) The seriousness of the offence committed by the respondent and brutal action of the respondent on the deceased had negated the respondent's rights to acquire any interest on the fact that he was a first offender (see para 32).

(5) The trend of sentencing for offences under s 304(a) of the Code after the section was amended revolved between 15 to 20 years imprisonment on average. It was clear the imprisonment sentence of ten years imposed by the learned JC was outside the trend of sentencing. The court found that there was no justification or 'extenuating circumstances', to depart from the trend (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 425–485.

Kes-kes yang dirujuk

Bachik bin Abdul Rahman v PP [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572, MR (dirujuk)

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)

Kesavan a/l Baskaran v PP [2008] 6 MLJ 384; [2008] 6 CLJ 390, MR (dirujuk)

Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167, MA (dirujuk)

PP v Karthiselvam a/l Vengatan [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632, MR (dirujuk)

PP v Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)

PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256, MT (dirujuk)

A *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164, MR (dirujuk)
R v Costen (1989) 11 Cr App Rep (S) 182, MR (dirujuk)
R v Sargent (1974) 60 Cr App R 74, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

B Kanun Keseksaan ss 302, 304(a)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-02–02 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Johor Bharu)

C *Asmah Musa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.*
Lim Chon Sin (CS Lim & Assoc) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi HMR:

D

[1] Responden, seorang warganegara Vietnam pada mulanya telah dituduh membunuh rakan senegaranya, Tran Xuan Hai di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan pada 28 Julai 2015, pada kira-kira jam 6.43 petang di rumah No 21, Jalan Riang 6, Taman E Gembira, Johor Bahru, Johor.

[2] Pendakwa Raya kemudiannya telah menawarkan pertuduhan pilihan di bawah s 304(a) KK.

F

[3] Responden telah mengaku salah dan telah dikenakan hukuman penjara selama sepuluh tahun berkuat kuasa dari tarikh tangkap.

[4] Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut yang G dianggap terlalu ringan telah mengemukakan rayuan terhadap hukuman tersebut.

FAKTA KES

H **[5]** Pada 25 Julai 2013 kira-kira jam 6.43 petang, pengadu, RF Phoon Foo Yeong yang bertugas di Pusat Kawalan IPK, Johor, telah menerima panggilan telefon dari seorang lelaki Melayu yang memaklumkan tentang satu pergaduhan yang berlaku di rumah No 21, Jalan Riang 6, Taman Gembira, Johor Bahru. Maklumat tersebut telah dijadikan maklumat laporan pertama – I Majidee Report 5048/2013.

[6] Bertindak atas maklumat tersebut, pegawai penyiasat telah pergi ke tempat kejadian dan menemui mangsa (Tran Xuan Hai – si mati) terbaring di luar rumah berdekatan pintu pagar dengan kesan tikaman di bahagian leher,

lengan kanan dan bahagian bahu sebelah kiri. Responden juga ditemui terbaring tidak sedarkan diri di atas jalan di luar rumah dengan jarak lima meter.

[7] Kejadian berlaku di rumah teres satu tingkat yang dijadikan asrama untuk pekerja-pekerja kilang Versa Manufacturing Sdn Bhd dan dihuni oleh 25 orang pekerja warganegara Vietnam termasuk responden dan si mati.

[8] Siasatan menunjukkan pada hari yang sama pada sekitar jam 5 hingga 6 petang, responden telah bertengkar dengan seorang bernama Phung Zhuan An ('An') selepas meminum minuman keras. Dalam pertengkaran tersebut, responden telah menumbuk muka An sehingga berdarah.

[9] Si mati yang baru pulang telah terlihat muka An yang berdarah. Mereka berdua kemudian pergi ke bilik responden dan menyerang responden dengan pisau sehingga mencederakan responden.

[10] An dan si mati kemudiannya kembali ke bilik mereka. Responden pula telah mengambil sebilah pisau berhulu kuning lalu pergi mendapatkan si mati dan menikam belakang badan si mati. Si mati lari menuruni tangga rumah dengan dikejar oleh responden dan ditikam oleh responden di bahagian belakang leher dan bergelut sehingga kedua-dua mereka terjatuh dari tangga.

[11] Pada ketika itu juga, An telah datang lalu menikam responden. Responden kemudian lari keluar dari rumah sambil dikejar oleh An, namun rebah di atas jalan tidak jauh dari rumah mereka manakala si mati juga rebah di luar rumah berdekatan dengan pintu pagar.

[12] Si mati dan responden kemudian dikejarkan ke Hospital Sultanah Aminah. Bedah siasat ke atas si mati yang dilakukan oleh Dr Muhamad Aznool Haidy menyatakan punca kematian adalah 'stab wound to the chest'.

[13] Satu bilah pisau yang dipercayai digunakan semasa kejadian telah dirampas dari bilik No 2 rumah tersebut dan sebilah lagi ditemui di halaman rumah.

[14] Responden telah ditangkap oleh pihak polis di hospital berkenaan sekitar jam 10.30 malam pada hari yang sama (28 Julai 2013) sebagaimana laporan tangkap JBS/013753/2013.

HUJAHAN PERAYU

[15] Perayu menghujahkan bahawa:

(a) pesuruhjaya kehakiman ('PK') yang bijaksana khilaf apabila mengenakan prinsip penghukuman yang berbeza ke atas pesalah warganegara dan pesalah bukan warganegara;

(b) PK yang bijaksana telah mengabaikan kepentingan awam dengan mengenakan hukuman penjara selama sepuluh tahun yang tidak setimpal dengan kesalahan serius yang telah dilakukan oleh perayu;

(c) PK yang bijaksana khilaf apabila memberi pertimbangan berlebihan ke atas pengakuan salah responden sebagai faktor peringan hukuman tanpa mengambil kira keseriusan kesalahan yang telah dilakukan oleh responden; dan

(d) ketidakwajaran PK yang bijaksana yang telah mengambil kira responden sebagai pesalah pertama ('first offender') sebagai faktor peringanan hukuman ke atas responden.

HUJAHAN RESPONDEN

[16] Responden menghujahkan:

(a) kejadian tidak dirancang;

(b) tikaman dilakukan 'at the spur of the moment';

(c) kejadian berlaku kerana provokasi si mati dan rakannya yang masih bebas;

(d) si mati dan responden mengenali satu sama lain. Kejadian berpunca kerana selisih faham di antara satu sama lain;

(e) tiada kekejaman terlibat. Responden juga mengalami kecederaan dan turut dimasukkan ke hospital; dan

(f) PK yang bijaksana telah mengambil kira semua faktor-faktor yang relevan dalam mengenakan hukuman penjara sepuluh tahun tersebut.

KEPUTUSAN KAMI HUKUMAN KE ATAS WARGANEGARA ASING

[17] Dalam alasan penghakimannya PK yang bijaksana menyatakan bahawa hukuman sepuluh tahun penjara adalah memadai dengan menimbangkan bahawa responden adalah warganegara asing dan memenjarakan responden untuk tempoh yang panjang adalah tidak sesuai kerana ia akan meningkatkan kos kepada negara. Adalah lebih berfaedah untuk responden dihantar pulang ke negara asalnya.

[18] Pada hemat kami, PK yang bijaksana telah menimbangkan isu yang tidak relevan dalam mengenakan hukuman tersebut. Pertimbangan yang sedemikian tidak mempunyai asas langsung di sisi undang-undang. Malah

ianya melanggar prinsip 'equality before the law' yang menjadi akar tunjang Perlembagaan Persekutuan. Prinsip kedaulatan undang-undang menghendaki pelaksanaan undang-undang yang sama rata dan adil bagi kesemua mereka yang berlindung di bawah bumbung negara ini. Membezakan hukuman yang wajar dikenakan ke atas warganegara dan bukan warganegara akan hanya mengundang ketidakadilan.

[19] Seterusnya isu keadilan tidak boleh dikompromikan dengan isu kos menanggung pesalah di penjara kerana isu ini, jika diguna pakai, akan turut terpakai untuk pesalah-pesalah warganegara tempatan yang dipenjarakan untuk tempoh yang lama. Ia juga akan mengundang persoalan tentang kebijaksanaan Parlimen meluluskan undang-undang yang memperuntukkan hukuman-hukuman pemenjaraan yang lama/panjang bagi sesuatu jenis kesalahan.

[20] Pada hemat kami, isu kos menanggung pesalah di penjara bukan urusan mahkamah. Mahkamah, dalam menjatuhkan sesuatu hukuman hanya perlu menimbang kehendak Parlimen, kepentingan awam, keseriusan kesalahan yang dilakukan, kesan 'deterrent' hukuman yang dijatuhkan tersebut, kesan 'retributive' hukuman tersebut, kesan 'rehabilitative' hukuman tersebut, isu-isu pemberatan dan peringanan yang wajar diberi pertimbangan dan hal ehwal keadaan keseluruhan sesuatu kes tersebut yang menjustifikasikan sama ada sesuatu hukuman tersebut wajar dilunakkan atau diberatkan.

[21] Selanjutnya adalah dikhuatiri alasan yang diguna pakai ('adopted') di atas oleh PK yang bijaksana akan memberi ingatan ('message') yang salah kepada responden dan warganegara asing lain yang mempunyai kecenderungan yang sama dengan responden bahawa mereka tidak akan diberikan hukuman berat jika melakukan kesalahan di negara ini, malah dapat meraih faedah mendapat peluang balik awal ke negara masing-masing dengan kos ditanggung oleh kerajaan Malaysia.

KEPENTINGAN AWAM

[22] Kami berpendapat di dalam kes ini terdapat isu kepentingan awam. Isu ini adalah pertimbangan yang perlu diutamakan dalam menilai ('assess') kewajaran sesuatu hukuman yang dikenakan dengan objektif untuk menghukum pesalah itu sendiri dan juga dengan harapan untuk mencegah berulangnya kesalahan-kesalahan yang sama, sama ada oleh perayu sendiri atau orang-orang lain yang mempunyai kecenderungan yang sama dengan perayu – lihat *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164; *Public Prosecutor v Low Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256.

[23] Kesalahan di mana responden telah mengaku bersalah dan disabitkan

adalah satu kesalahan di bawah s 304(a) KK yang membawa hukuman penjara maksima selama 30 tahun. Hukuman yang betul ('proper') boleh menyumbang kepada kepentingan awam melalui elemen-elemen 'retributive' dan 'deterrent' di mana hukuman tersebut bukan sahaja menghukum pesalah atas kesalahannya tetapi juga diharapkan pesalah tidak akan mengulanginya dan hukuman tersebut dapat mencegah orang-orang lain yang mempunyai hasrat yang sama dengan responden dari mengulangi perbuatan responden.

[24] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana menghujah bahawa hukuman penjara selama sepuluh tahun terhadap responden adalah tidak setimpal dengan kesalahan serius yang telah dilakukan oleh responden. Kami bersetuju dengan hujahan TPR tersebut. Tempoh pemenjaraan tersebut terlalu rendah atau ringan. Bagi kesalahan yang sebegitu berat, maka adalah wajar satu hukuman yang berat dikenakan ke atas responden. Masyarakat memerlukan perlindungan dari responden, orang-orang seperti responden dan orang-orang lain yang mempunyai hasrat seperti responden yang sesuka hatinya bertindak secara ganas untuk menamatkan riwayat orang lain hatta atas perselisihan faham yang sebegitu kecil. Matlamat ini boleh dicapai dengan mengenakan hukuman yang mengandungi elemen 'retributive' dan 'deterrent' tersebut. Dalam bahasa mudah, kepentingan awam menghendaki responden diasingkan daripada masyarakat untuk tempoh yang panjang.

[25] Parlimen, dalam kebijaksanaannya telah, melalui Penal Code (Amendment) Act 2003 (Act A1210), meminda dengan meningkatkan hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan di bawah s 304(a) KK, dari 20 tahun kepada 30 tahun. Ini mencerminkan Parlimen turut prihatin ('concern') tentang keseriusan dan kekerapan berlakunya kesalahan ini seperti yang sering dipaparkan di media massa. Pindaan ini adalah isyarat yang cukup nyata kepada mahkamah supaya celik membuka mata dan seterusnya sebagai penguatkuasa undang-undang, memberi perhatian dan memberi efek kepada kehendak Parlimen dengan menjatuhkan hukuman yang mencerminkan hasrat Parlimen tersebut. Mahkamah seharusnya tidak menggagalkan hasrat Parlimen tersebut dengan mengenakan hukuman-hukuman ringan yang tidak munasabah. Hukuman yang ringan akan hanya memberi ingatan yang salah kepada umum, khususnya orang-orang yang berhasrat atau mempunyai hasrat atau kecenderungan yang sama dengan responden. Hukuman yang berat, khususnya kesalahan-kesalahan yang melibatkan keganasan akan memberi ingatan yang jelas kepada umum bahawa 'it does not pay to commit a crime'. Itulah juga 'expectation' dari orang awam untuk pelaku-pelaku kesalahan yang melibatkan keganasan.

[26] Jenayah seperti yang dilakukan oleh responden semestinya terjumlah dalam kategori jenayah yang mewajarkan hukuman berbentuk 'retributive' serta 'deterrent' yang mencerminkan 'the public's intolerance and abhorrence' terhadap jenayah yang sedemikian. Pengamatan Lawton LJ dalam kes *R v Sargent* (1974) 60 Cr App R 74 di ms 77 amat relevan:

> There is however, another aspect of retribution which is overlooked: it is that society through the courts must show its abhorrence of particular types of crime and the only way of which they, the courts can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

PENGAKUAN BERSALAH RESPONDEN

[27] TPR yang bijaksana berhujah PK yang bijaksana telah khilaf apabila mengambil kira pengakuan bersalah responden sebagai faktor peringanan hukuman. Menurutnya kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan yang amat serius dan berat. Tiada hukuman yang dapat mengembalikan nyawa si mati.

[28] Kami bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana tersebut. Walaupun seseorang tertuduh wajar/berhak diberi kredit kerana telah mengaku salah, namun keseriusan kesalahan tersebut telah meminggirkan efek keringanan pengakuan bersalah tersebut. Oleh kerana keseriusan kesalahan, faktor pengakuan bersalah tersebut juga tidak cukup untuk mengetepikan faktor kepentingan dan keselamatan awam yang menjadi pertimbangan paling utama mendahului pertimbangan-pertimbangan lain — lihat *Bachik bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [2004] 2 MLJ 534; [2004] 2 CLJ 572; *Kesavan a/l Baskaran v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 384; [2008] 6 CLJ 390; *Public Prosecutor v Karthiselvam a/l Vengatan* [2011] 4 MLJ 212; [2009] 4 CLJ 632. Kes *Public Prosecutor v Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155 telah memutuskan:

> As I have said earlier, all three pleaded guilty. Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime.

[29] Berkaitan dengan kepentingan dan perlindungan awam pula, Lord Lane dalam kes *R v Costen* (1989) 11 Cr App Rep (S) 182 di ms 184 menyatakan:

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to the general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and foremost exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

Pada hemat kami, kes di hadapan kami adalah terangkum di dalam deskripsi autoriti di atas.

[30] Fakta-fakta kes ini dengan sendirinya memberikan justifikasi bahawa responden tidak wajar diberikan kredit di atas pengakuan bersalahnya. Fakta-fakta menunjukkan selepas responden masuk ke bilik si mati, dan menikam belakang si mati, si mati telah lari keluar dari biliknya. Namun responden masih tidak berpuas hati dan mengejar si mati dan berjaya menikam leher si mati ketika si mati lari menuruni tangga. Nyata responden sememangnya berniat untuk menamatkan riwayat si mati. Responden telah bertindak dengan kekejaman yang melampau. Si mati mengalami tiga kecederaan iaitu di bahagian belakang yang 'fatal', di leher dan di bahagian lengan kanan. Tidak wujud isu provokasi di sini. Jika pun ada, ia telah berakhir ketika si mati melarikan diri dari biliknya.

[31] Responden langsung tidak ada sebarang belas kasihan ke atas rakan senegaranya sendiri yang sama-sama datang ke negara ini untuk mencari rezeki. Maka responden tidak layak untuk mendapatkan sebarang belas kasihan dari mahkamah apabila beliau sendiri telah bertindak tanpa belas kasihan terhadap rakannya sendiri.

RESPONDEN SEBAGAI PESALAH PERTAMA

[32] Atas alasan-alasan yang sama, kami juga bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa PK yang bijaksana telah khilaf apabila beliau turut mengambil kira bahawa kesalahan ini adalah kesalahan pertama responden dan dengan itu ia menjadi faktor untuk peringanan hukuman. Pada hemat kami, keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh responden dan tindakan kejam terlampau responden ke atas si mati telah 'negate' hak responden untuk memperolehi apa-apa faedah di atas fakta bahawa beliau adalah pesalah pertama.

MITIGASI RESPONDEN

[33] Seterusnya kami mendapati bahawa tidak wujud sebarang faktor yang mewajarkan hukuman ke atas responden diberi kelunakan. Mitigasi yang diunjurkan oleh responden seperti diperincikan terdahulu amatlah lumrah lagi lazim yang sepatutnya difikirkan semasak-masaknya oleh responden sebelum melakukan kesalahan ini. Tidak wujud 'extenuating circumstances' yang mewajarkan hukuman lain selain hukuman yang berbentuk 'retributive' dan 'deterrent'.

TREND PENGHUKUMAN

[34] Dalam kes *Mohamad Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa salah satu pertimbangan yang perlu diambil kira di dalam menjatuhkan hukuman ialah '... the sentences that have been imposed in the past for similar offences to

determine the trend of sentencing policy, if any'.

[35] Sehubungan dengannya, kami telah menyemak 'trend' hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah s 304(a) KK selepas seksyen tersebut dipinda dan ia bersekitar di antara 15 hingga 20 tahun penjara secara hitung panjang ('average'). Nyata hukuman penjara selama sepuluh tahun yang dijatuhkan oleh PK yang bijaksana tersebut adalah di luar 'trend' hukuman tersebut. Kami mendapati tidak wujud sebarang justifikasi atau 'extenuating circumstances', untuk menyisih ('depart') dari 'trend' tersebut.

BIDANG KUASA RAYUAN (APPELLATE JURISDICTION)

[36] Adalah sesuatu yang 'trite' bahawa mahkamah yang menjalankan bidangkuasa rayuannya tidak akan sewenang-wenangnya campur tangan di dalam urusan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah bawahan. Justifikasi untuk campur tangan hanya wujud '... unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence – *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256. Lihat juga *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83.

[37] Dalam kes di hadapan kami, kami berpuas hati bahawa hukuman sepuluh tahun penjara yang dikenakan oleh PK yang bijaksana tersebut adalah terlampau tidak mencukupi mengambil kira keseluruhan hal ehwal keadaan kes tersebut dan fakta-fakta yang telah dikemukakan kepada mahkamah. Kami juga mendapati PK yang bijaksana telah khilaf dari segi pemakaian prinsip-prinsip matan penghukuman bagi kes yang berat seperti kes ini.

KESIMPULAN

[38] Berdasarkan kepada segala alasan seperti diperincikan di atas, kami membenarkan rayuan pendakwa raya. Hukuman yang dikenakan oleh PK yang bijaksana di ketepikan dan digantikan dengan hukuman 18 tahun penjara dari tarikh tangkap.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar